

24/04/1997

Telekom belanja RM4b tingkat perkhidmatan

TELEKOM Malaysia Bhd (Telekom Malaysia), membelanjakan di antara RM3 bilion dan RM4 bilion setahun sehingga tahun 2002, untuk mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi di negara ini supaya bertaraf dunia.

Naib Presiden Kanan Telekom Malaysia bagi Perniagaan Utama dan Kerajaan, Dr Mohd Khir Harun berkata, perbelanjaan itu termasuk pembinaan rangkaian penyiaran, sistem Internet, membangunkan sistem perhubungan dan pemasangan kabel gentian optik di seluruh negara.

"Kami berharap menjelang 2005 semua talian perhubungan di seluruh negara termasuk dasar laut sudah ditukar kepada kabel gentian optik yang setanding syarikat utama lain di dunia," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyampaian sumbangan komputer kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu di bilik mesyuarat Exco kerajaan negeri di Wisma Darul Iman, semalam.

Hadir sama ialah Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Datuk Abdul Rahman Mohamad dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia dan Institut Pengajian Tinggi, Datuk Dr Abdul Latif Awang.

Menurut Mohd Khir, Telekom Malaysia mempunyai tanggungjawab besar iaitu menjadi satu daripada agensi menjayakan Wawasan 2020 sebagaimana yang diharapkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Untuk itu, Telekom Malaysia terpaksa menyediakan kemudahan yang diperlukan pada 2005 iaitu 15 tahun lebih awal daripada 2020," katanya.

Di Terengganu katanya, Telekom turut membelanjakan RM32 juta untuk menyediakan pelbagai kemudahan yang diperlukan selaras dengan pembangunan yang diperlukan.

Mengenai Internet, Mohd Khir berkata, semua pihak perlu matang dalam penggunaan kemudahan yang disediakan dengan menilai setiap perkara yang diterima.

Dengan memberikan analogi beliau berkata, jika lebuhraya yang dibina digunakan untuk membawa makanan adalah sesuatu yang baik, tetapi pihak yang menguruskan lebuhraya berkenaan tidak boleh dipersalahkan sekiranya ada pihak yang menggunakannya untuk membawa dadah.

"Begitu juga Telekom Malaysia, kami menyediakan laluan komunikasi dan terpulang kepada pengguna bagaimana untuk memanfaatkannya," katanya.

Selain itu katanya, syarikat pengendali telefon di Malaysia kerugian RM30 juta setahun kerana perbuatan khianat yang merosakkan telefon awam.

Katanya, setiap telefon berharga RM5,000, sekiranya dirosakkan bukan saja merugikan syarikat tetapi juga orang ramai kerana tidak dapat menggunakannya dengan baik.

(END)